

Tambang Kapal Terbang (2 Hala) Peringkat Diploma/Ijazah Setahun:

• Pelajar Semenanjung ke Sarawak dan sebaliknya	-	RM700.00
• Pelajar Semenanjung ke Sabah dan sebaliknya	-	RM1,000.00
• Pelajar Labuan ke Sarawak dan sebaliknya	-	RM400.00
• Pelajar Labuan ke Sabah dan sebaliknya	-	RM100.00
• Pelajar Sarawak ke Sabah dan sebaliknya	-	RM500.00

9. TEMPOH KONTRAK

Pemohon yang menerima tawaran biasiswa tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan dan sekiranya enggan, tuntutan ganti rugi akan dikenakan. Tempoh berkhidmat dengan Kerajaan dan amaun tuntutan ganti rugi adalah seperti di bawah:

PERINGKAT/TEMPOH PENGAJIAN	TEMPOH BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN		AMAUN GANTI RUGI (RM)	
	Kursus Bukan Profesional	Kursus Profesional*	IPTA	IPTS
Peringkat Diploma:				
3 tahun atau kurang	3	5	70,000	} Kos Sebenar
Lebih dari 3 tahun	4	6	100,000	
Peringkat Ijazah:				
4 tahun atau kurang	4	6	110,000	} Kos Sebenar
Lebih dari 4 tahun	5	7	130,000	
Kursus Perubatan dan Pergigian	—	10	250,000	

***Catatan:** Kursus Profesional meliputi kursus-kursus seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi, Sains Perubatan Veterinar, Kejuruteraan, Seni Bina, Perakaunan, Undang-undang, Penilaian Harta, Ukur Bahan dan Ukur Tanah.